

Futsal 1Malaysia UMS menyemai perpaduan

UB 10.4.2013 A14

KOTA KINABALU: Kejohanan Futsal Piala 1Malaysia anjuran Exco Sukan dan Rekreasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah berlangsung dengan jayanya di gelanggang futsal Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Kejohanan itu berjaya menarik penyertaan sebanyak 18 pasukan melibatkan hampir 300 orang dari kalangan mahasiswa UMS.

Menurut pengarah kejohanan yang juga ahli Exco Sukan dan Rekreasi MPP, Pang Ngiap Ting, kejohanan kali ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara mahasiswa tanpa mengira kaum, bangsa, agama serta tradisi.

Selain itu katanya, kejohanan tersebut juga bertujuan bagi membentuk keperibadian mahasiswa yang berkepimpinan dan dinamik berorientasikan kecemerlangan selaras dengan moto UMS 'Bertekad Cemerlang'.

Pang turut menyuarakan harapan agar program-program seumpama itu disertai lebih ramai mahasiswa pada masa akan datang.

Sementara itu, penasihat kejohanan, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin berkata, perpaduan merupakan kunci kejayaan negara ini sekaligus menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang sentiasa dijadikan contoh oleh negara-negara lain di dunia ini.

"Kejayaan membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk antaranya disumbangkan melalui acara sukan yang dilihat amat berkesan dalam memupuk perpaduan kaum.

"Semua ahli sukan serta para penyokong sentiasa bersatu padu untuk menjadi juara tanpa mengira warna kulit, bangsa, dan agama yang membolehkan mereka secara tidak langsung memahami budaya dan cara hidup kaum lain," katanya lagi.

Kejohanan futsal itu berkonsepkan liga dalam kumpulan dan lapan buah pasukan yang berjaya menjuarai liga pada peringkat kumpulan akan ke peringkat pusingan kalah mati.

Antara pasukan yang berjaya adalah PES 2013, Bellcom FC, Gerakang FC, Neama Bay, Premium FC, SPS Junior FC, Gaza FC dan Northen FC.

Pada peringkat separuh akhir, Gerakang FC telah menewaskan SPS Junior FC untuk bertemu dengan Northen FC yang berjaya menewaskan PES 2013.

Pada penentuan tempat ketiga pasukan PES 2013 nyata lebih gagah apabila menewaskan pasukan SPS Junior FC seterusnya menerima hadiah wang tunai sebanyak RM150 berserta medal perlawanan.

Pada perlawanan akhir pula, Gerakang FC berjaya dinobatkan sebagai johan bagi kejohanan Futsal Piala 1Malaysia apabila menewaskan pasukan Northen FC dengan keputusan 4-1.

Kejayaan itu sekaligus membolehkan pasukan Gerakang FC merangkul hadiah utama kejohanan iaitu wang tunai sebanyak RM500 dan medal perlawanan.

Pasukan Northen FC pula menerima hadiah wang tunai RM300 berserta medal.



PASUKAN PES 2013 berpuas hati walaupun hanya berada di tempat ketiga.



PASUKAN Northen FC pemenang tempat kedua.



PASUKAN Gerakang FC muncul juara kejohanan Futsal 1Malaysia UMS.



PASUKAN-pasukan yang berada di tempat pertama, kedua dan ketiga mengambil gambar kenang-kenangan bersama urusetia Kejohanan Futsal 1Malaysia UMS.